

Jangan percaya pada pembangkang yang celaru
Free Malaysia Today
Jun 9, 2016
Adam Abu Bakar

Mereka tidur sebantol tapi mimpi lain-lain, kata Najib

SUNGAI BESAR: Buruk padahnya jika rakyat meletakkan kepercayaan kepada parti-parti pembangkang yang bercelaru, pesan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Turun ke kempen pilihan raya Parlimen Sungai Besar di Sungai Nibong, Simpang Lima hari ini, Najib menembak kekacauan dalaman pembangkang di peringkat antara parti dan pentadbiran kerajaan.

Beliau menggesa Kerajaan Selangor supaya menyatakan secara muktamad siapakah yang mereka sokong – PAS atau AMANAH – di Sungai Besar.

PAS merupakan rakan dalam kerajaan Selangor yang dipimpin PKR, manakala AMANAH pula merupakan rakan komponen Pakatan Harapan yang dianggotai PKR.

“Kecelaruan di pembangkang amat jelas di Sarawak apabila mereka bertembung di banyak kawasan. Di sini pun kita lihat perkara yang sama, mana letaknya pendirian kerajaan negeri?”

“Kita masih tidak tahu PAS ni masih mereka terima atau tidak. Seolah-olah tidur sebantol tetapi mimpi lain-lain,” kata Najib seusai berbuka puasa bersama penduduk.

Tegasnya, kecelaruan pembangkang sekiranya di bawa ke peringkat urustadbir negara hanya akan mewujudkan kerajaan yang lemah.

Maka, beliau menyeru pengundi supaya memenangkan calon BN, Budiman Mohd Zohdi bagi menguatkan pentadbirannya.

“Kalau Kerajaan Pusat tidak kuat, kita akan hadapi banyak tekanan dan menderitanya. Kita tidak mahu rakyat menderitanya,” katanya.

Najib juga berhasrat untuk menambah lagi peruntukan yang sebelum ini telah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi sekiranya menang pada PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

“Saya hendak beritahu, TPM ada bagi peruntukan setengah juta dan kalau tuan-tuan hendak saya tambah lagi, boleh lepas PRK jumpa saya. InsyaAllah saya akan tambah peruntukan untuk masjid.”

Katanya, komitmen kerajaan dan BN pada Islam sangat tinggi dan disebabkan itu dunia menganggap negara sebagai contoh model negara Islam.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/09/jangan-percaya-pada-pembangkang-yang-celaru/>